

Program Kelestarian Alam Sekitar Bersama Komuniti

Pendedahan kepada pelajar mengenai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat kurang berasib baik

UB 20.06.2024 P.08

KOTA KINABALU: Penganjuran program Kelestarian Alam Sekitar Bersama Komuniti anjuran mahasiswa yang mengambil subjek UL2302 Kelestarian Alam Sekitar Universiti Malaysia Sabah.

Program ini dianjurkan oleh kursus UL02302 dengan kerjasama Himpunan Ilmuwan UMS (HIUMS) dan Kelab Kelestarian Alam Sekitar (KSATRIA).

Ia bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada para pelajar mengenai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat serta menerapkan rasa simpati, empati dan kasih sayang kepada golongan anak yatim.

Penyelaras Program, Dr. Abdul Khair Beddu Asis berkata, program kelestarian alam sekitar bersama komuniti itu dianjurkan oleh pelajarnya bertujuan mempraktikkan komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar serta memberikan peluang kepada pelajar untuk beramah mesra bersama anak-anak yatim.



SERAH: Penyerahan bakul makanan kepada asnaf di Kg Bobot.



KENANGAN: Majlis Penutupan Program Bersama Anak Yatim Darul Bakti dan Komuniti Kg Bobot Kota Belud.

"Selain itu ia juga bertujuan mengeratkan hubungan silahturahim antara pelajar, komuniti dan anak yatim, sekali gus dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap masyarakat dan alam sekeliling."

"Melalui penganjuran program ini, saya berharap agar program seperti ini

lebih giat dilakukan untuk masa akan datang kerana banyak memberikan manfaat terutamanya untuk anak yatim, penduduk kampung, serta para pelajar yang terlibat," katanya.

Khair berkata demikian dalam ucapannya sempena majlis penutupan Program Kelestarian alam sekitar bersama komuniti yang ber-

langsung di Dewan Terbuka Rumah Anak Yatim Darul Bakti Kota Belud.

Beliau turut memaklumkan seramai 46 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengambil subjek UL2302 Kelestarian Alam Sekitar Seksyen 3 UMS mengadakan lawatan ke Rumah Anak Yatim Darul Bakti termasuklah surau, bilik darjah, dewan

Lawatan mereka diketuai oleh Pengarah Program, Mohammad Rizwan Basri dan serta Timbalan Pengarah, Quratu Anis Hanisah Jefrin.

Sempena lawatan itu, pelbagai acara menarik disusun antaranya aktiviti gotong royong membersihkan kawasan di sekitar rumah anak yatim Darul Bakti termasuklah surau, bilik darjah, dewan

terbuka, gelanggang dan halaman rumah.

Selain itu, aktiviti sukaneka yang turut dilakukan ketika program itu berlangsung disertai oleh penghuni rumah anak yatim berkenaan serta penduduk Kampung Ejuk dan Kg Bobot.

Akhir sekali, penyerahan bakul makanan kepada penduduk kampung yang

disampaikan oleh Dr. Abdul Hair sendiri.

"Saya berharap melalui lawatan ini, bukan sahaja dapat menimba pengalaman kepada semua pelajar tetapi dapat membuka minda kepada masyarakat agar sama-sama memberi perhatian dan sokongan moral kepada masyarakat kurang berasib baik di negeri ini," katanya.